



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : FUNDAMENTALS OF MANAGEMENT
KOD KURSUS : DPI1033
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (20 Markah)
 - BAHAGIAN C (30 Markah)
 - BAHAGIAN D (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Betul/Salah
 - iii. Kertas Jawapan Objektif
 - iv. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Betul/Salah.

1. Pengurus boleh diklasifikasikan mengikut tahap mereka dalam sesebuah organisasi dan mengikut aktiviti sesebuah organisasi.
2. Kemahiran kemanusiaan berupaya untuk membantu pengurus melihat keseluruhan perusahaan dan menjaga hubungan yang wujud antara pelbagai bahagian dalam organisasi.
3. Wabak H1N1 yang merebak di seluruh dunia, menyebabkan kerajaan Malaysia menasihati orang ramai untuk tinggal negara asal bagi mencegah penyebaran selsema H1N1. Ini adalah contoh keputusan yang berprogram.
4. Kepastian dalam membuat keputusan yang rasional menunjukkan bahawa pengurus boleh menetapkan kebarangkalian untuk hasil yang mungkin berlaku.
5. Motivasi adalah penting kepada pengurus kerana ia memberi kesan terhadap mengekalkan tingkah laku manusia.
6. Keperluan fisiologi termasuklah perasaan untuk pencapaian dan harga diri melalui pengiktirafan, penghormatan dan prestij daripada orang lain.
7. Makanan, minuman dan air merupakan contoh keperluan keselamatan dan berada pada tahap paling rendah dalam teori Maslow.
8. Pengurus perlu terlibat di dalam fungsi kawalan walaupun keadaan syarikat adalah seperti yang telah dirancang.
9. Wawasan 2020 merupakan perancangan taktikal.
10. Keadaan ketidakpastian memerlukan pengurus menggunakan pengalaman, pertimbangan dan logik untuk memperuntukan kebarangkalian.

11. Sistem kawalan amat berkesan sebagai satu sistem maklum balas di dalam organisasi.
12. Carta organisasi ialah satu gambar rajah struktur organisasi yang menunjukkan bahagian atau jabatan serta kedudukan individu dalam organisasi.
13. Victor Vroom memperkenalkan teori keperluan yang terdiri daripada keperluan pencapaian, perhubungan dan kuasa.
14. Pengurus tugas memberi perhatian yang menyeluruh ke atas keperluan memenuhi kepuasan perhubungan pekerja yang membawa kepada persekitaran dan masa pekerjaan yang selesa.
15. Piawai merupakan tahap ukuran bagi sesuatu perkara yang ingin dikawal.
16. Kawalan tingkah laku bertujuan untuk melihat hasil sebenar yang ditunjukkan oleh pekerja.
17. Komunikasi terdiri daripada verbal (mimik muka) dan tidak verbal (pertuturan dan tulisan)
18. Pengekodan berlaku apabila pengirim menterjemahkan maklumat yang terdapat dalam mindanya ke dalam bentuk simbol-simbol yang tertentu.
19. Penapisan adalah perbuatan memanipulasikan maklumat secara sengaja agar kelihatan kurang sedap kepada pengguna.
20. Saluran komunikasi mungkin secara langsung seperti pertemuan empat mata atau melalui televisyen.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Pengurus ini bertanggungjawab kepada satu bidang aktiviti dalam organisasi seperti pengurus pengeluaran, pengurus kewangan dan pengurus pemasaran. Apakah jenis pengurusan berdasarkan pernyataan di atas.
 - A. Pengurus fungsi
 - B. Pengurus am
 - C. Pengurus jabatan
 - D. Pengurus projek

2. Pengurus mempunyai kebolehan atau keupayaan untuk memikirkan dan menyelaras serta mencampurkan kegiatan unit yang berbeza. Apakah jenis kemahiran pengurusan yang dinyatakan di atas?
 - A. Kemahiran teknik
 - B. Kemahiran kemanusiaan
 - C. Kemahiran berfikir
 - D. Kemahiran konsep

3. Apakah halangan dan masalah ke arah perancangan berkesan?
 - i. Terlalu bergantung harap pada pengalaman yang lepas
 - ii. Kekurangan sokongan dan dorongan dari pihak pengurusan
 - iii. Kurangnya komitmen dari pihak pengurusan dalam merancang
 - iv. Kekurangan dalam memahami objektif sebenar
 - A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. i, ii, iii dan iv

4. Yang manakah antara berikut menerangkan tentang penjabatanan?
- A. Pekerja-pekerja melaksanakan kerja yang tertentu atau khusus berdasarkan kemahiran, kelayakan dan kemampuan individu tersebut.
 - B. Organisasi yang besar menyusun sumber-sumbernya dengan cara yang efisien dan berkesan.
 - C. Aktiviti dan kerja di dalam organisasi diseragamkan melalui peraturan dan prosedur operasi.
 - D. Aktiviti dalam struktur organisasi diselaraskan melalui mekanisme pengurusan untuk mengintegrasikan fungsi pelbagai unit di dalam organisasi.
5. Antara berikut yang manakah **BUKAN** konsep asas struktur organisasi?
- A. Pembahagian kerja
 - B. Carta organisasi
 - C. Penjabatanan
 - D. Peranan dan kedudukan pengurus dalam struktur organisasi
6. Siapakah pengasas teori awal hirarki keperluan?
- A. Abraham Maslow
 - B. Sigmund Freud
 - C. Benjamin Bloom
 - D. Victor Vroom
7. Di tempat kerja, keperluan ini berkaitan dengan keperluan diterima menjadi ahli dalam satu kelompok kumpulan tertentu.
Apakah keperluan yang menerangkan kenyataan di atas?
- A. Keperluan fisiologi
 - B. Keperluan keselamatan
 - C. Keperluan sosial
 - D. Keperluan penghargaan diri

8. Teori X dan Y mengandaikan bahawa teori X merupakan pandangan negatif tentang manusia dan teori Y merupakan pandangan positif terhadap manusia. Siapakah pengasas Teori X dan Y?
- A. Douglas McGregor
 - B. Frederick Herzberg
 - C. David McClelland
 - D. William Glasser
9. Teori jangkaan terdiri daripada tiga perhubungan. Yang manakah antara berikut **BUKAN** perhubungan dalam teori ini?
- A. Kaitan usaha - prestasi
 - B. Kaitan prestasi - ganjaran
 - C. Kuasa tarikan
 - D. Kuasa tolakan
10. Yang manakah antara berikut merupakan kepentingan kepimpinan?
- i. Reka bentuk organisasi yang kurang sempurna
 - ii. Kepimpinan sebagai fungsi smpadan
 - iii. Keadaan yang sentiasa berubah
 - iv. Dinamik dalam organisasi
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. i, ii dan iii
 - D. i, ii, iii dan iv

11. Antara berikut, yang manakah merupakan cara untuk menetapkan piawaian?
- A. Berdasarkan pegalaman organisasi lain
 - B. Atas budi bicara pekerja bawahan
 - C. Berdasarkan kepada kelengkapan
 - D. Berdasarkan kepada masa yang ditetapkan
12. Pilih faktor yang **BENAR** dalam menetapkan piawaian.
- A. Mestilah melambangkan kepada kuantiti
 - B. Mestilah mempunyai piawaian / standard yang tinggi
 - C. Mestilah jelas dan diterima oleh pegawai atasan sahaja
 - D. Bergantung kepada objektif organisasi
13. Yang manakah **BENAR** dalam memperbaiki kesilapan piawaian?
- i. Memeriksa dari segi piawaian
 - ii. Memperbaiki kesilapan
 - iii. Mengubah objektif organisasi
 - iv. Mengubah belanjawan organisasi
- A. i dan ii
 - B. i dan iii
 - C. ii dan iii
 - D. iii dan iv
14. Yang manakah antara berikut merupakan huraian bagi pengurus tugas?
- A. Kerja disiapkan oleh pekerja yang komited melalui perhubungan saling mempercayai dan rasas hormat
 - B. Menyumbangkan usaha yang minimum dan menyiapkan kerja untuk menyara organisasi
 - C. Sumber-sumber di dalam organisasi seimbang untuk menyiapkan kerja dengan mengekalkan motivasi pekerja
 - D. Mencapai kecekapan di dalam kerja akibat daripada susunan pekerja dan gangguan interaksi adalah pada tahap minimum

15.

- *Kecekapan*
- *Kualiti / mutu*
- *Maklum balas*

Pilih jenis kawalan yang menerangkan maklumat di atas.

- A. Kawalan sebelum tindakan
 - B. Kawalan selepas tindakan
 - C. Kawalan output
 - D. Kawalan tingkah laku
16. Pilih kenyataan yang **TIDAK BENAR** bagi jenis kawalan di dalam pengurusan.
- A. Kawalan sebelum tindakan merupakan kawalan yang paling diidamkan
 - B. Kawalan sebelum tindakan memerlukan maklumat yang tepat dan mudah diperolehi
 - C. Kawalan serentak yang paling popular adalah penyeliaan secara langsung
 - D. Kawalan selepas tindakan dilaksanakan selepas kejadian
17. "*Pengurus menghantar maklumat kepada orang bawahannya seperti undang-undang syarikat*".
- Pilih kenyataan yang menerangkan tentang maklumat di atas.
- A. Komunikasi ke bawah
 - B. Komunikasi ke atas
 - C. Komunikasi melintang
 - D. Komunikasi tidak formal
18. "*Pengirim menterjemahkan maklumat yang terdapat dalam mindanya ke dalam bentuk simbol*".
- Pilih kenyataan yang **BENAR** tentang maklumat di atas.
- A. Pengekodaan
 - B. pengdekodaan
 - C. Saluran
 - D. Mesej

19. Yang manakah antara berikut merupakan prinsip pengurusan Islam?

- A. Siddiq
- B. Amanah
- C. Tabligh
- D. Fathonah

20. Seorang pengurus perlu menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran supaya pekerja, organisasi dan dirinya memperoleh fahlah.

Manakah antara berikut merupakan peranan pengurus Islam yang dinyatakan di atas?

- A. Pengurus sebagai hamba Allah
- B. Pengurus sebagai khalifah Allah
- C. Pengurus sebagai pentadbir alam
- D. Pengurus sebagai saudara sesama Islam

[20 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan, jawab **SEMUA** soalan.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan **TIGA (3)** jenis peringkat pengurusan mengikut tahap.

(6 markah)

SOALAN 2

Huraikan **TIGA (3)** jenis perancangan.

(6 markah)

SOALAN 3

Terangkan **TIGA (3)** bentuk penjabatanan.

(6 markah)

SOALAN 4

Terangkan **TIGA (3)** keperluan di dalam Teori McClelland.

(6 markah)

SOALAN 5

Huraikan **TIGA (3)** ciri-ciri keadilan di dalam pengurusan Islam.

(6 markah)

[30 MARKAH]

BAHAGIAN D

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Perancangan yang baik adalah sangat penting dalam mencapai matlamat organisasi. Bincangkan **LIMA (5)** unsur penting dalam perancangan organisasi.

(10 markah)

SOALAN 2

Pengurus merupakan individu yang membuat keputusan di dalam organisasi. Berikan definisi membuat keputusan. Secara ringkas, terangkan **DUA (2)** jenis keputusan dan terangkan **TIGA (3)** keadaan dalam membuat keputusan.

(10 markah)

SOALAN 3

Grid pengurusan adalah pandangan gaya kepimpinan yang dibangunkan oleh Robert Blake dan Jane Mouton. Bincangkan **LIMA (5)** jenis grid pengurusan di dalam teori gelagat kepimpinan.

(10 markah)

SOALAN 4

Komunikasi di dalam organisasi biasanya melibatkan komunikasi antara pengurus dengan orang bawahannya dan komunikasi di antara rakan sekerja. Bincangkan **LIMA (5)** unsur-unsur penting dalam komunikasi.

(10 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

